

NILAI DAN SIMBOLISME SIRIH DALAM BUDAYA SERTA PERUBATAN TRADISIONAL MASYARAKAT MELAYU DAN INDIA

Dr Wan Faizah Wan Yusoff,
Program Pemakanan dan Dietetik,
Pusat Pengajian Sains Kesihatan,
Universiti Sains Malaysia, Kampus Kesihatan
Kelantan
e-mail : faienur@usm.my

ABSTRAK:

Dalam kebudayaan Melayu, sirih (*Piper betle L.*) melambangkan rendah diri dan kehormatan sepertimana dapat diperhatikan daripada pepohon sirih yang menjalar dan memanjat tanpa merosakkan tumbuhan perumah. Menurut pandangan masyarakat Melayu terdahulu, gabungan sirih, kapur, pinang dan gambir secara simboliknya menjelaskan setiap ciri yang perlu ada sebagai orang Melayu. Penggunaan sirih tidak hanya terhad sebagai pembuka bicara dan lambang ketertiban serta hospitaliti Melayu malah turut digunakan dalam perubatan tradisional, ritual serta perhubungan dengan semangat atau makhluk halus. Air kunyahan sirih misalnya dipercayai memiliki unsur kepanasan dan kebesaran yang boleh menghalau atau menakutkan hantu syaitan yang jahat. Kepercayaan ini tidak hanya terhad kepada masyarakat Melayu tetapi juga masyarakat India di Malaysia. Selain membawa simbol kesegaran dan kemakmuran, masyarakat India dipercayai bahawa gabungan sirih, pinang dan kapur dipercayai memiliki unsur-unsur pencipta (Brahman), pelindung (Vishnu) dan juga pemusnah (Shiva) yang penting dalam konteks ritual perubatan mereka. Kajian ini melihat nilai dan simbolisme sirih dalam masyarakat Melayu dan India bagi menilai sama ada wujud persamaan budaya di antara masyarakat Melayu dan India di Malaysia khususnya dan Asia Tenggara amnya.

PENGENALAN

Kebudayaan merupakan keseluruhan sistem kehidupan bertamadun yang dipraktikkan oleh sesuatu masyarakat dan diwarisi daripada satu generasi kepada satu generasi yang berikutnya. Kebudayaan secara amnya dapat dibahagikan kepada dua aspek iaitu budaya material yang terdiri daripada objek fizikal atau artifak dan bukan material iaitu unsur yang tidak wujud secara fizikal seperti adat, kepercayaan dan nilai. Dalam kebudayaan terkandung pelbagai unsur seperti kepercayaan, sistem nilai dan juga simbol yang memberikan identiti dan keperibadian tersendiri yang membezakan sesuatu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Simbolisme dalam budaya hanya mampu difahami dengan jelas oleh masyarakat yang mendokong budaya tersebut dan mungkin berbeza daripada masyarakat lainnya.

Secara dasarnya terdapat persamaan dalam adat dan amalan dalam sesuatu kebudayaan khususnya di Asia Tenggara. Sirih atau nama botaninya *Piper betel Linn* dalam keluarga *Piperaceae* misalnya adalah berkait rapat bukan hanya dengan adat dan kebudayaan

masyarakat Melayu dan India tetapi masyarakat lain di Bangladesh, Myanmar, Thailand, Myanmar, Indonesia dan negara-negara lain di Asia Tenggara. Walau bagaimanapun, adat dan kebudayaan serta pelaksanaan amalan tersebut adalah dipengaruhi oleh beberapa aspek seperti kepercayaan, corak kehidupan, pergaulan masyarakat, suasana persekitaran dan juga perubahan zaman. Memandangkan kebudayaan dan adat pada umumnya adalah bersifat dinamik, perubahan corak pemikiran atau suntikan elemen-elemen baru daripada luar adalah tidak dapat dielakkan. Faktor luaran seperti proses migrasi, pertembungan budaya dan penjajahan mampu memberikan perubahan kepada kebudayaan dan juga masyarakat sama ada secara sedar atau tidak sedar dan secara langsung atau tidak langsung. Perubahan ini dapat dilihat daripada simbol sirih yang pada asalnya adalah dikaitkan dengan pemujaan berdasarkan amalan animisme. Sirih turut dikaitkan dengan semangat seperti semangat air yang diseru dengan menanam sirih di kawasan yang kering dan diikuti dengan upacara memanggil hujan (Rooney, 1993). Walau bagaimanapun, dengan peredaran zaman sirih telah diasimilasikan dalam pelbagai budaya dan memainkan peranan yang penting dalam aspek pemujaan mahupun penyembahan sama ada yang bercorak animistik mahupun yang mempunyai pengaruh Hindu-Buddha (Rooney, 1993). Meskipun dengan penerimaan Islam khususnya di kalangan masyarakat Melayu, kepercayaan tentang makna simbolik sirih yang berkait rapat dengan semangat dan alam ghaib masih wujud di kalangan masyarakat. Walau bagaimanapun, tahap amalan dan kepercayaan mungkin berbeza seiring perubahan zaman dan kemodenan yang turut mempengaruhi adat dan kebudayaan masyarakat.

Menurut Rooney (1993), fungsi sirih yang utama dapat dibahagikan kepada empat fungsi yang utama iaitu sebagai gambaran simbolik selain daripada kegunaan dalam aspek perubatan, magis dan makanan. Abdul Hamid (2001) pula berpendapat bahawa sirih berfungsi sebagai gambaran simbolik dan status masyarakat selain daripada melambangkan kesantunan masyarakat, status masyarakat, nilai estetika serta kesusasteraan. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat oleh Rooney (1993), sirih yang dipasangkan dengan buah pinang khususnya mempunyai fungsi dan makna simboliknya yang tersendiri terutamanya sebagai alat perhubungan yang melibatkan hubungan dengan alam ghaib dan manusia dalam konteks masyarakat dan juga di antara lelaki dan wanita. Menurut Reid (dipetik dalam Khir, 2013), penggunaan sirih dalam upacara perkahwinan masyarakat Melayu dipercayai bertitik tolak daripada amalan penyembahan roh nenek moyang (*ancestral spirits*) yang perlu diberikan sirih pada setiap upacara penting seperti perkahwinan. Pendapat beliau disokong oleh Khir (2013) yang turut berpandangan bahawa penggunaan sirih dan pinang melambangkan penyatuan dua jiwa di antara lelaki dan wanita khususnya dalam perkahwinan. Pandangan ini boleh dikatakan tidak jauh berbeza dengan masyarakat India yang beranggapan bahawa sirih dan pinang merupakan simbolisme seksual sepertimana yang digambarkan dalam kama sutra (Rooney, 1993).

Dalam kebudayaan Melayu, sirih (*Piper betle L.*) sentiasa memuliakan orang lain dan bersifat pemberi sepertimana dapat diperhatikan daripada pepohon sirih yang menjalar dan memanjat tanpa merosakkan junjung atau tumbuhan perumah. Menurut pandangan masyarakat Melayu terdahulu, gabungan sirih, kapur, pinang, gambir, tembakau dan cengkih secara simboliknya menjelaskan setiap ciri yang perlu ada sebagai orang Melayu. Sekapur

sirih yang dicantumkan menjadi satu menggambarkan corak kehidupan masyarakat Melayu yang mementingkan adat dan nilai dalam bermasyarakat. Kelima-lima elemen yang melengkapkan sirih ini turut mengingatkan masyarakat Melayu mengenai lima rukun Islam yang perlu diamalkan bagi kehidupan yang aman dan damai (Abdul Hamid, 2001). Makna simbolik bagi setiap elemen dalam amalan bersirih adalah sepertimana berikut:

<i>Bahan</i>	<i>Makna Simbolik</i>
Kapur	Melambangkan hati yang putih, bersih dan tulus. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku provokasi, ia akan berubah menjadi lebih agresif. Sifat ini dapat dilihat daripada asal kapur hasil pemprosesan cengkerang kerang atau batu kapur yang berwarna putih bersih tetapi boleh memberi tindakbalas yang melecurkan dalam keadaan tertentu.
Gambir	Sari gambir yang didapati daripada pemprosesan daun gambir yang kekuning-kuningan dan pahit melambangkan kececalan hati dalam melalui cubaan dan dugaan.
Pinang	Sifat pokok pinang yang tinggi, lurus, lebat setandan dan mempunyai buah yang putih hempulurnya jika dibelah menggambarkan keturunan orang yang baik budi pekerti dan tinggi darjatnya.
Tembakau	Daun tembakau yang pahit dan memabukkan sifatnya boleh berubah sifatnya menjadi boleh dimakan dan tahan lama disimpan apabila dihiris halus. Ini melambangkan sifat tabah hati dan sedia berkorban dalam segala hal.
Cengkih	Sifat cengkih yang berbau wangi dan pedas rasanya menggambarkan sifat romantis dan cecal hati.

Jadual 1: Makna simbolik setiap elemen bersirih. Sumber: Sirih Pinang, Perpustakaan Negara Malaysia (2001)

Dalam konteks penulisan kertas kerja ini, fokus akan diberikan kepada amalan bersirih dalam masyarakat Melayu dan India. Perbincangan juga akan turut menyentuh mengenai nilai dan simbolisme sirih dalam masyarakat Melayu dan India bukan hanya dalam konteks adat istiadat, budaya dan kesantunan masyarakat tetapi juga merangkumi aspek perubatan sama ada yang melibatkan penyakit atau keuzuran yang bersifat fizikal atauspiritual yang turut merangkumi kepercayaan terhadap semangat serta magis.

Amalan Bersirih dalam Masyarakat Melayu dan India

Sirih yang terdapat di Semenanjung Malaysia adalah terdiri daripada beberapa jenis utama seperti Sirih Melayu, Sirih Cina, Sirih Kelingdan Sirih Hutan. Berdasarkan rupa bentuk dan rasa, setiap jenis sirih tersebut adalah berbeza. Sirih Cina misalnya dikatakan mempunyai rasa

yang lebih lembut berbanding Sirih India yang agak keras daunnya, berwarna hijau kekusaman dan mempunyai rasa yang lebih pedas. Sirih yang dikatakan lebih digemari ialah Sirih Melayu yang berdaun lebar dan berwarna hijau pekat. Sirih Hutan yang mempunyai daun yang keras pula dikatakan tidak enak dimakan (Perpustakaan Negara Malaysia, 2001).

Berdasarkan pemerhatian yang dibuat oleh Tome Pires di pelabuhan Melaka antara 1512 dan 1515 sepertimana yang dicatitkan dalam kitabnya *Suma Oriental*, antara amalan eksotik yang diperhatikannya dalam tempoh masa tersebut ialah amalan memakan sirih dan pinang yang dikenali sebagai *betele* dan *areca* dalam bahasa Portugis (Khir, 2013). Meskipun perkataan *betele* dan *areca* yang diambil dari perkataan Malayalam *vetilla* dan *adekka* seolah-olah memberikan indikasi bahawa amalan memakan sirih ini mula-mula diperhatikan oleh orang-orang Portugis di sepanjang pantai Malabar, bukti linguistik dan arkeologi menunjukkan bahawa sirih (*Piper betle L.*) dan pinang (*Areca catechu*) adalah tumbuhan asli (*indigenous*) di Kepulauan Melayu (Khir, 2013)

Menurut Sheppard (1972), tradisi makan sirih atau bersirih ini merupakan warisan budaya silam yang telah wujud lebih daripada 3,000 tahun yang lampau. Amalan memakan sirih ini, jelas Rooney (1993), adalah sinonim dengan masyarakat di Asia Tenggara dan Melanesia termasuklah Malaysia. Asal usul tradisi makan sirih sehingga ke hari ini masih tidak dapat dipastikan secara sah. Walau bagaimanapun, terdapat pandangan bahawa tradisi ini mungkin bermula di India berdasarkan catatan dalam epik Ramayana dan Mahabhrata, kitab-kitab Buddha, Jain (Shreeniwas, 2009) serta Ayurveda. Berdasarkan kitab Ayurveda seperti seperti Charaka dan Sushruta Samhita serta Kahyapa Bhojanakalpa, tradisi makan sirih ini direkodkan seawal tahun 75 dan 300 Masihi. Amalan makan sirih yang tidak terhad kepada golongan rakyat jelata tetapi merangkumi golongan bangsawan dan istana pula direkodkan oleh Marco Polo pada kurun ke-13 (Toprani & Patel, 2013). Bukti linguistik walau bagaimanapun menunjukkan bahawa terdapat kemungkinan tradisi ini berasal dari kepulauan Indonesia seperti yang dibuktikan dengan catatan Ibn Batuta dan Vasco Da Gama (Perpustakaan Negara Malaysia, 2001).

Menurut Abdul Hamid (2001), persoalan timbul sama ada tradisi makan sirih khususnya di Malaysia merupakan evolusi dalam amalan dan cara hidup tempatan atau dipengaruhi oleh India atau masyarakat Haobinhian. Walau bagaimanapun, terdapat pandangan bahawa tradisi makan sirih di Malaysia mungkin bermula tanpa pengaruh luar seperti India berdasarkan fakta bahawa sirih pada asalnya tidak digunakan oleh masyarakat India sebagai makanan tetapi sebagai bahan persembahan sewaktu upacara sembahyang di kuil-kuil (Perpustakaan Negara Malaysia, 2001). Meskipun amalan ini bukan dikatakan berasal dari India, sirih yang pada kebiasaannya dimakan bersama hirisan pinang, kapur dan rempah ratus seperti ketumbar, jintan manis, cengkih, pelaga dan sebagainya dikatakan lebih popular di kalangan masyarakat India. Menurut Guha (2006), amalan memakan sirih yang ditekankan dalam skriptur Hindu ini masih dikekalkan dalam masyarakat India sehingga ke hari ini dalam setiap aspek kehidupan seperti sosial, budaya, agama dan kehidupan seharian.

Selain amalan memakan sirih, amalan lain yang turut mempunyai perkaitan erat dengan sirih ialah penggunaan tepak sirih dan sirih junjung di kalangan masyarakat Melayu yang mempunyai falsafah dan simbolisme yang tersendiri. Tepak sirih yang merupakan salah satu

daripada warisan ketara (*tangible heritage*) atau artifak budaya Melayu yang masih kekal hingga ke hari ini dilihat turut mempunyai maksud yang simbolik dan memainkan peranan yang dalam sebagai alat komunikasi bukan lisan khususnya dalam masyarakat Melayu. Persembahan tepak sirih dalam upacara meminang, bertunang dan perkahwinan misalnya dianggap sebagai pembuka dan pelengkap sesuatu majlis yang mana tanpanya majlis tersebut akan dianggap tidak beradat dan sumbang (Norbaya, 1993). Menurut Abdul Hamid (2001), sirih dianggap penting dalam menjaga hubungan kedua-dua pihak sehinggakan setiap perlakuan sewaktu memberi dan menerima tepak sirih tersebut turut mempunyai tafsiran dan maksud yang tersendiri. Menghulurkan ‘kepala’ tepak sirih kepada ketua keluarga misalnya memberikan maksud hormat dan begitulah sebaliknya.

Nilai dan simbolisme sirih turut dapat diperhatikan dalam adat istiadat masyarakat India. Bagi masyarakat India, sirih memainkan peranan yang sangat penting dalam upacara perkahwinan, ritual keagamaan seperti *Homa* dan *Puja* serta perayaan seperti *Thaipusam*. Dalam upacara perkahwinan tradisional India khususnya, sirih dan pinang merupakan antara hantaran atau buah tangan yang penting. Bermula daripada upacara melihat bakal isteri atau *pen paarttal*, sirih memainkan peranan sebagai pembuka majlis sepertimana adat istiadat Melayu. Peranan sirih sebagai pengikat janji atau kontrak sosial antara kedua keluarga dapat dilihat dalam upacara pertunangan atau *niccayam*. Peranan spiritual sirih pula dapat dilihat dalam upacara *paanam paaku* apabila kad jemputan dalam bilangan ganjil diletakkan di dalam dulang berisi sirih, pinang, wang ringgit dan sebagainya sebagai lambang kekayaan bagi disembahyangkan di kuil untuk mendapat keberkatan (Temubual dengan responden di Kuala Krai, Kelantan, 30 Ogos 2014). Sirih turut diselitkan dalam hiasan kepala pengantin sebagai simbolik kepada kesegaran dan kemakmuran (Shreeniwas, 2009). Walau bagaimanapun, penggunaan sirih sama ada untuk persembahan bagi upacara keagamaan mahupun sosial ini, tegas Raghavan (1956), adalah tidak didasari oleh ajaran agama mereka yang asal dan tidak tertulis dalam kitab-kitab lama. Meskipun begitu, amalan yang dikatakan berasal dari Selatan India dan Indonesia ini telah tersebar luas di seluruh India dan seterusnya mendapat kedudukan yang penting dalam upacara-upacara penting masyarakat India termasuklah di Malaysia.

Peranan sirih khususnya dalam bentuk sirih junjung dan tepak sirih bukan hanya penting dalam konteks perkahwinan Melayu tetapi juga sebagai alat komunikasi, penyeri majlis dan kepala perarakan dalam upacara rasmi seperti contohnya istiadat pertabalan Sultan (Perpustakaan Negara Malaysia, 2001). Peranan yang tidak kurang pentingnya dapat dilihat dalam konteks kerajaan awal India sepertimana yang direkodkan dalam sejarah. Meskipun tidak dapat ditentukan bentuk olahannya, sirih merupakan antara hadiah atau persembahan yang penting bagi menjalinkan hubungan diplomatik antara dua kerajaan India yang berbeza iaitu Aryan di India Utara dan Dravida di India Selatan (Shreeniwas, 2009). Peranan sirih sebagai pembuka bicara atau alat komunikasi bukan lisan masih berterusan hingga ke hari ini khususnya dalam konteks perbincangan mahupun perniagaan.

Penggunaan sirih tidak hanya terhad sebagai pembuka bicara dan lambang ketertiban serta hospitaliti Melayu malah turut digunakan dalam perubatan tradisional, ritual serta magis khususnya dalam konteks perhubungan dengan semangat atau makhluk halus. Sebagai lambang komunikasi bukan lisan misalnya, tepak sirih yang diserahkan kepada bidan sewaktu melenggang perut adalah dianggap sebagai ‘tempahan’ bagi khidmat bidan tersebut manakala

tepak sirih yang diserahkan kepada pengamal perubatan tradisional membawa maksud penerimaan ilmu yang diperturunkan (Temubual dengan pengamal perubatan tradisional Melayu di Langkawi, Disember 2014).

Penggunaan Sirih dalam perubatan dan magis bagi masyarakat Melayu.

Dalam konteks perubatan Melayu, sirih banyak digunakan secara tunggal ataupun digabungkan dengan bahan-bahan lain untuk kegunaan perubatan seperti bagi mengubati penyakit berkaitan paru-paru seperti asma dan batuk, demam, demam panas, penyakit kelamin, keputihan serta menghilangkan bau mulut (Noraida, 2005). Menurut A. Samad (1980), sirih yang digiling dan diperah dalam hidung, disembur, dibedakkan atau dilumurkan bersama bahan-bahan lain digunakan untuk mengubati penyakit kepialu. Sirih turut digunakan untuk penyakit medu, sembelit, sakit perut, senak perut, bengkak perut, cirit-birit, karang, lenguh atau lumpuh, sakit urat, letih lesu, barah, bisul tidak bermata, kayap, puru, badam, sakit sendi, ubat luka, ubat selusuh, meroyan, budak sawan, sawan tangis, kecacangan dan kerasukan hantu. Penggunaan sirih dalam perubatan turut dicatatkan dalam Kitab Tib Pontianak sebagai ubat ‘majan’ dengan menggunakan sirih bertemu urat yang digabungkan dengan sebiji buah pala yang dibenam terlebih dahulu dalam abu panas, pinang tua sebesar buah pala dan kapur (Faisal @ Ahmad Faisal & Nurul Wahidah, 2012). Antara penggunaan sirih yang turut dicatatkan dalam Kitab Tibb yang terdapat ialah sepertimana berikut:

Jenis penyakit	Kaedah penggunaan
Sakit kepala yang ‘menggigit-gigit’	Sirih hutan, jintan hitam dan jintan putih ditumbuk lumat dan ditampal di tempat yang sakit.
Sakit kepala berdengung	Akar sirih, pucuk jarak dan jintan hitam dimamah bersama sirih pinang dan disembur kepada kepala yang berdengung.
‘Sariawan’	Gagang sirih tujuh helai direbus bersama manjakani, tujuh butir beras putih dan timah yang dikikir. Minum airnya.
Gatal mata	Sirih hijau diramas dengan air dingin dan diletakkan dalam piring. Masukkan mata dalam air tersebut.
Ubat mata	Sirih bertemu urat dikunyah dan airnya dipercikkan ke mata.
Sakit gigi	Kunyah daun sirih.
Mulut berbau	Daun sirih dikunyah bersama bunga pucuk ‘pakan’
Gigi lemah	Sirih dan akar pulut-pulut dikunyah diiringi dengan doa kepada Nabi Ilyas.

Jadual 2: Kegunaan sirih bagi mengubati penyakit berdasarkan Kitab Tibb Perpustakaan Nasional Jakarta W227 (Elya, 2014)

Sehingga ke hari ini, sirih masih dipercayai sebagai antara herba yang penting bagi menjaga kewanitaan Melayu. Secara tradisional, sirih dijadikan amalan sebagai basuhankhususnya bagi wanita yang telah berkahwindan selepas bersalin. Bagi mengubati penyakit keputihan, sirih biasanya direbus dan digunakan sebagai basuhan. Sebagai basuhan selepas bersalin pula, sirih yang dicampur dengan serai wangi dan gandarusa biasanya digunakan (Noraida, 2005). Disebabkan kepentingan sirih kepada wanita Melayu, boleh dikatakan kebanyakan rumah tradisional Melayu pada zaman dahulu mempunyai pokok sirih yang kebiasaannya ditanam di tepi telaga atau perkarangan rumah bagi memudahkan penggunaannya (Temubual dengan pengamal perubatan tradisional di Langkawi, Disember 2014)

Pada kebiasaannya, sirih yang dikatakan sesuai digunakan untuk tujuan perubatan tradisional Melayu ialah sirih yang agak gelap warnanya dan terletak di bahagian tengah pokok yang mempunyai akar untuk berpaut. Antara sebab bahagian pokok ini dipilih ialah kerana kebanyakan daun sirih bertemu urat boleh diperolehi daripada bahagian tersebut. Daun sirih yang bersaiz sederhana dan mengadap matahari khususnya dianggap paling sesuai untuk tujuan perubatan atau lainnya. Walau bagaimanapun, keberkesannya adalah bergantung kepada faktor-faktor berkaitan seperti keyakinan, niat dan bacaan pengamalnya selain daripada kesesuaian waktu memetikinya. Waktu yang paling sesuai untuk memetik sirih bagi tujuan perubatan adalah sebelum naiknya matahari bagi memastikan tidak hanya kesegarannya tetapi juga kemujarabannya (Temubual dengan pengamal perubatan tradisional di Langkawi, Disember 2014).

Selain daripada penggunaan untuk tujuan perubatan, sirih turut digunakan dengan niat sebagai ‘pengasih’, ‘penyeri’ mahupun ‘pelupa’. Menurut Azizah dan Norhalina (dipetik dalam Abdul Hamid, 2001), sirih yang digunakan untuk tujuan tersebut perlulah diiringi dengan niat untuk kebaikan, jampi serapah dan pantang larang tertentu bagi mengelakkan bencana di kemudian hari. Penggunaan jampi serapah bagi tujuan ‘penyeri’ misalnya memperlihatkan sinkritisme di antara kebudayaan Melayu, India dan Islam dengan menggunakan kalimah berbahasa Melayu sambil menyelitkan nama Dewi Pushpa, puteri Nabi serta diakhiri dengan kalimah “La ilahillAllah” (Abdul Hamid, 2001). Secara asasnya fungsi dan simbolisme sirih ini adalah berkait rapat dengan kerangka pemikiran dan sistem kepercayaan masyarakat Melayu khususnya yang berkaitan dengan konsep semangat (Abdul Hamid, 2001). Kepercayaan terhadap semangat yang dikatakan mampu menentukan kuat atau lemahnya seseorang merupakan persoalan pokok dalam sistem kepercayaan dan perubatan Melayu (Skeat, 1900; Endicott, 1970; Chen, 1975). Kemasukan makhluk-makhluk halus dalam diri manusia dipercayai menyebabkan semangat menjadi lemah dan tidak stabil sehingga menyebabkan wujudnya simptom-simptom seperti perasaan gemuruh, murung, tidak bermaya, hilang selera makan, hilang kehairahan untuk hidup serta belunggu kejiwaan yang lain (Mohamed Anwar, 2009). Justeru, penggunaan sirih dalam masyarakat Melayu sebagai pendinding mahupun penghilang gemuruh misalnya adalah berkait rapat dengan kepercayaan dan usaha masyarakat Melayu bagi memulihkan, melindungi mahupun memantapkan semangat yang dipercayai ada dalam setiap orang Melayu.

Dalam upacara Main Teri, sirih dan bahan-bahan lain seperti lilin, pisang dan tebu dianggap penting khususnya bagi rawatan saka. Setiap satu bahan yang digunakan

mempunyai fungsi dan makna simboliknya yang tersendiri. Sirih misalnya dikatakan simbol kepada lendir tekak manakala tebu membuang sial pesakit (Nor Izzati, 2015). Sirih turut digunakan dalam pembedahan secara batin terutamanya bagi menjampi dan mengembalikan semangat bagi pesakit santau angin yang pada kebiasaannya mengalami lemah semangat serta hilang selera makan. Bagi tujuan rawatan, sirih pinang, tujuh jenis bunga-bunga dan tujuh air kolah masjid yang dibacakan mantera biasanya digunakan (Ahmad Fazli & Mohd Nizam, 2016).

Dalam konteks masyarakat Melayu, penggunaan sirih dalam perubatan bercorak spiritual khususnya mempunyai peranan sama ada memujuk, mengucapkan terima kasih ataupun menghalau makhluk-makhluk halus masih dapat dilihat dalam upacara seperti pembukaan panggung Makyong oleh ketua kumpulan atau Tok Wak. Sirih sepiak, nasi kunyit, telur dadar, tepung tawar dan sebatang rokok yang digunakan dalam persembahan mak yong misalnya bukan hanya mempunyai simbolisme yang tersendiri tetapi turut berperanan menjamu makhluk halus seperti jin hutan, jin padang, jin kampong dan jin tanah (Haron, 2013). Menurut Abdul Hamid (2001), sirih yang dimakan oleh pesakit ataupun pengamal perubatan tradisional Melayu disemburkan ke seluruh anggota pesakit, muka pintu dan juga sekeliling rumah bagi menghalau makhluk halus yang mengganggu pesakit. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat di Langkawi, kunyahan sirih masih digunakan untuk penyakit yang dipercayai disebabkan oleh gangguan makhluk halus. Selain itu, sirih turut dijadikan sebagai simbolik 'putus ubat' dan diberikan kepada pengamal perubatan tradisional Melayu yang menyembuhkan pesakit tersebut (Temubual dengan pengamal perubatan tradisional di Langkawi, Disember 2014).

Penggunaan Sirih dalam perubatan dan magis bagi masyarakat India.

Penggunaan sirih dalam perubatan tradisional India memperlihatkan perbezaan yang agak ketara dari segi kaedah penyediaan mahupun kegunaannya. Berdasarkan pemahaman Ayurveda, pengambilan sirih secara dasarnya adalah ditegah kerana dibimbangi menyebabkan lepuhan pada lidah dan meningkatkan tahap keasidan badan. Walau bagaimanapun, sirih yang direndam di dalam air selama sehari dan kemudiannya dimakan dipercayai mampu membantu meningkatkan kesihatan. Kaedah penggunaan sirih yang betul dengan membuang tampuk dan urat sirih yang dipercayai mampu memberikan kesan negatif kepada badan ini dijelaskan secara terperinci dalam kitab Rajuallabh (Shreeniwas, 2009).

Berdasarkan kitab Susrta Samhita, sirih yang disifatkan sebagai aromatik, tajam dan panas dianggap mujarab bagi penyakit berkaitan tekak selain berperanan sebagai pelawas, penambah selera, penguat jantung, pelancar perjalanan darah dan antiradang (Shukla, Sachan, Mishra & Kumar, 2015). Sirih turut dipercayai mujarab bagi menghilangkan bau mulut dan melegakan fikiran selain berperanan sebagai antiseptik, antioksidan, astringen, diuretik, afrodisiak serta tonik untuk saraf. Secara tradisional, sirih digunakan dalam perubatan Ayurveda untuk rawatan penyakit seperti konjunktivitis, sembelit, sakit kepala, histeria, kegatalan, bengkak gusi, keputihan dan rheumatism. Ia juga digunakan untuk menghilangkan kotoran pada gusi serta gigi di samping membersihkan lidah (Shukla, Shukla, Baghel & Vyas, 2015). Akar sirih turut digunakan sebagai perancang kehamilan manakala minyak *essential*

sirih yang dipercayai bersifat antibakteria dan antifungal kebiasaannya digunakan bagi merawat bengkok serta luka (Guha, 2006).

Menurut Rooney (1993), sirih yang pada asalnya dijadikan jamuan kepada kuasa ghaib turut dikaitkan dengan simbolik agama khususnya dengan pengaruh kepercayaan Hindu. Secara simboliknya, sirih pinang dan kapur menggambarkan trinita dalam kepercayaan Hindu. Sirih misalnya dikaitkan dengan Vishnu, buah pinang dikaitkan dengan Brahma manakala kapur menggambarkan Shiva. Gabungan unsur-unsur pencipta (Brahman), pelindung (Vishnu) dan juga pemusnah (Shiva) yang terkandung dalam gabungan sirih pinang dan kapur ini dianggap penting dalam konteks ritual perubatan tradisional India. Selain sirih, air kunyahan sirih khususnya dipercayai memiliki unsur kepanasan dan kekuatan yang boleh menghalau atau menakutkan hantu syaitan yang jahat.

KESIMPULAN

Meskipun terdapat persamaan dalam aspek kedudukan sirih dalam masyarakat Melayu dan India khususnya dalam upacara-upacara penting melibatkan pertunangan dan perkahwinan mahupun perubatan bercorak spiritual, terdapat perbezaan yang agak ketara dari aspek kepercayaan yang mendasari amalan dan ritual serta kaedah perlaksanaannya yang mungkin turut dipengaruhi agama dan kebudayaan setempat. Penggunaan sirih dalam perubatan tradisional Melayu khususnya tidak hanya terhad kepada pengubatan penyakit yang bersifat fizikal malah turut melibatkan aspek spiritual seperti pemulihan semangat dan penyembuhan penyakit yang disebabkan gangguan makhluk ghaib seperti saka. Kepercayaan tentang elemen magis sirih, pinang dan kapur serta air kunyahan sirih dalam mengubati penyakit yang bersifat supernatural ini turut dikongsi oleh masyarakat India. Dari segi perawatan penyakit yang bersifat fizikal, terdapat persamaan yang agak ketara dari segi penggunaan sirih untuk mengubati penyakit-penyakit tertentu berdasarkan kitab-kitab Ayurveda dan Kitab Tib Melayu. Walau bagaimanapun, penggunaan sirih oleh masyarakat Melayu dalam perubatan penyakit bersifat fizikal boleh dikatakan kurang meluas berbanding masyarakat India berdasarkan kurangnya kajian yang bersifat saintifik bagi menentukan keberkesannya mahupun penggunaannya dalam masyarakat Melayu. Keadaan ini adalah sangat berbeza berbanding perubatan Ayurveda dan Siddha yang banyak disokong oleh bukti-bukti saintifik bagi membuktikan keberkesanan herba atau tumbuhan berubat yang digunakan dalam perubatan mereka. Memandangkan terdapat persamaan dari segi herba dan ubatan yang digunakan oleh masyarakat Melayu dan India, adalah diharapkan lebih banyak kajian akan dibuat terhadap ubat-ubatan tersebut bagi membuktikan keberkesannya sebagai satu kajian perbandingan antara perubatan Melayu dan India.

RUJUKAN

A.Samad, A.(1980). *Warisan Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Abdul Hamid, A. (2001). *Sirih Pinang dan Kebudayaan Melayu: Satu Kajian tentang Tepak Sirih*. Disertasi sarjana tidak diterbitkan, Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Ahmad Fazli, S. & Mohd Nizam S. (2016). Mantera dalam Perawatan Tradisional Melayu di Kedah: Analisis Menurut Perspektif Akidah Islam. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 9(1), 1-31.
- Chen, Paul C. Y. (Mac 1975). Medical Systems in Malaysia: Cultural Bases and Differential Use. *Social Science and Medicine*, 9(3), 171-80.
- Ellya, R. (Jan- Jun 2014). Ramuan Herba Non Instan dalam Naskhah Kitab Tib sebagai Alternatif Pengobatan. *Sosial Budaya: Media Komunikasi Ilmu-Ilmu Sosial dan Budaya*, 11 (1), 1-18.
- Endicott, K. M. (1970). *An Analysis of Malay Magic*. Oxford: Clarendon Press
- Faisal @ Ahmad Faisal, A. H. & Nurul Wahidah, F. (2012). Perubatan Melayu Tradisional Kitab Tibb Pontianak. *Jurnal al-Tamaddun*, 7(1), 149-162.
- Guha, P. (2006). Betel Leaf: The Neglected Green Gold of India. *Journal of Human Ecology*, 19(2), 87-93.
- Haron, D., Tradisi Lisan dan Pelancongan di Malaysia: Satu Saranan. *Teniat*, 1(1), 51-70.
- Khair, J. (2013). An Introduction to the Use of Sirih in Malay Culture. *Passage*, 10-11.
- Mohamed Anwar Omar Din (2009). Latar Belakang Perbomohan Melayu: Satu Kajian Awal di Negeri Johor. *ASWARA*, 4 (2), 40-62.
- Noraida, A. (2005). *Penyembuhan Semulajadi dengan Herba*. Kuala Lumpur: PTS
- Norbaya, M. (1993, Mei 11). Tepak Sirih dan Budaya Melayu. *Utusan Malaysia*
- Nor Izzati, A. G. (2015, 6-7 September 2015). *Elemen Magis dalam Persembahan Main Puteri*. International Conference on Empowering Islamic Civilisation in the 21st Century. Kuala Terengganu: UNISZA.
- Perpustakaan Negara Malaysia (2001). Sirih Pinang Warisan Budaya Melayu. Capaian Julai 10, 2016 dari <http://www.pnm.my/sirihpinang>
- Raghavan, V. (Aug., 1956). Variety and Integration in the Pattern of Indian Culture. *The Far Eastern Quarterly*, 15 (4), 497-505.
- Rooney, D. F. (1993). *Betel Chewing Traditions in South-East Asia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

- Sheppard, M. (1972). *Taman Indera: Malay Decorative Arts and Pastimes*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Shreeniwas, J.P. (2009). *Spiritual Heritage & Cultural Symbols of India*. Mumbai: Jaico Publishing House
- Shukla, A., Shukla, A., Baghel, A.S. & Vyas, M. (2015). Ayurvedic Tambula Sevana A Healthy Traditional Practice. *International Journal of Herbal Medicine*, 3 (1), 40-44.
- Shukla, R., Sachan, S., Mishra A & Kumar, S. (2015). A Scientific Review on Common Chewing Plant of Asians: Piper Betle Linn. *Journal of Harmonized Research in Pharmacy*, 4 (1), 1-10.
- Skeat, W. W. (1900). *Malay Magic: Being an Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsula*. New York: The Macmillan Company
- Toprani, R & Patel, D. (Julai – September 2013). Betel Leaf: Revisiting the Benefits of an Ancient Indian Herb, *South Asian J. Cancer*, 2 (3), 140-141.